



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**ASNB MENGUMUMKAN AGIHAN PENDAPATAN
AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (ASN 3)**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit untuk tabung unit amanah harga berubahnya, Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2016. Jumlah pengagihan RM70.78 juta akan memberi manfaat kepada lebih 38,000 pemegang unit yang mempunyai pegangan lebih 1.17 bilion unit ASN 3.
- Meskipun dalam suasana prestasi pasaran ekuiti yang mencabar, kadar faedah yang rendah, tekanan harga komoditi yang berpanjangan dan kadar matawang yang tidak menentu, ASN 3 masih berjaya mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM84.45 juta setakat 28 November 2016. ASN 3 yang merupakan dana imbang bertujuan menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang seimbang.
- Keuntungan daripada penjualan saham menyumbang RM39.65 juta atau 47.0%, manakala pendapatan dividen daripada syarikat pelaburan menyumbang RM26.16 juta atau 31.0% kepada jumlah keseluruhan pendapatan kasar. Sementara itu, baki RM18.64 juta atau 22.0% diperoleh daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan pendapatan-pendapatan lain.

29 NOVEMBER 2016, KUALA LUMPUR – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit bagi tabung unit amanah harga berubahnya, Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2016. ASN 3 menyediakan peluang kepada pemegang unit untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang menerusi portfolio pelaburan yang seimbang.

Pengagihan pendapatan berkenaan melibatkan pembayaran berjumlah RM70.78 juta, yang akan memberi manfaat kepada lebih 38,000 pemegang unit yang mempunyai pegangan lebih 1.17 bilion unit ASN 3.

Tahun kewangan semasa merupakan tempoh yang mencabar bagi ASN 3, ekoran KLCI yang didagangkan dalam arah aliran mendatar, daripada 1,672.16 mata pada 30 November 2015, kepada 1,628.66 mata setakat 28 November 2016, justeru mencatatkan pulangan negatif sebanyak 2.6% sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti global. Prestasi pulangan aset juga dipengaruhi oleh tekanan dalam harga komoditi kebelakangan ini, ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam nilai mata wang utama dunia serta kadar faedah yang rendah seiring penurunan KLIBOR 3-bulan sebanyak 37 mata asas kepada 3.40%.

Namun begitu, ASN 3 berupaya mengumumkan pengagihan pendapatan 6.00 sen seunit daripada jumlah pendapatan kasar sebanyak RM84.45 juta setakat 28 November 2016. Keuntungan daripada jualan saham menyumbang RM39.65 juta atau 47.0%, manakala pendapatan dividen daripada syarikat pelaburan menyumbang RM26.16 juta atau 31.0% kepada jumlah keseluruhan pendapatan kasar. Baki RM18.64 juta atau 22.0% pula diperolehi daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan pendapatan-pendapatan lain.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASN 3 adalah berdasarkan pegangan unit pada 30 November 2016. Pengagihan pendapatan akan dilaburkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 Disember 2016, berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) ASN 3 pada 30 November 2016.

Sementara itu, bagi pemegang unit yang melanggan ASN 3 menerusi Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP yang berkenaan.

Semua urusan niaga bagi ASN 3 di semua cawangan dan ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 23 November 2016 sehingga 30 November 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASN 3 di semua cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Disember 2016.

**Dikeluarkan oleh;
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Cik Aminah Haji Mahadi
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat**

**●Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel:
aminah_hm@pnb.com.my**